

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UCAPARA: DI MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KE-25
PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA

TEMPAT: MENARA PGRM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 05 OCT 1996

MASA:

1. Saya ucapkan terima kasih kepada Presiden Parti Gerakan Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Parti kerana menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Parti Gerakan yang ke-25 pada hari ini. Penghormatan yang diberikan kepada saya ini mencerminkan semangat kerjasama rapat yang wujud dalam Barisan Nasional. Kadangkala orang luar berasa hairan bagaimana parti-parti yang bergabung dalam Barisan Nasional yang mewakili berbagai-bagai kaum dan kepentingan boleh bekerjasama. Inilah keunikan sistem politik kita yang hanya kita sahaja yang dapat memahami dan menghargainya. Sebenarnya semangat kerjasama di kalangan parti-parti komponen BN inilah yang telah menjadi teras utama kekuatan dan kejayaan Barisan Nasional.

2. Bahawa BN telah dapat bertahan begitu lama ialah kerana konsep yang didokong oleh BN jelas menguntungkan penduduk dan negara dan dapat diterima oleh majoriti rakyat. BN mengutamakan kerjasama, kesederhanaan atau 'moderation', persamaan (equity) dan tolak-ansur. Setiap parti dalam BN sentiasa bekerjasama rapat dan sedia bertolak-ansur dalam menangani sesuatu isu atau masalah. Pemimpin-pemimpinnya terdiri daripada mereka yang sederhana, tidak ekstrim dan semua parti dalam BN, tidak kira kecil atau besar, mempunyai suara yang sama dalam Majlis Tertinggi BN.

3. Dengan lebih mementingkan kepentingan negara daripada kepentingan mana-mana kaum atau parti, banyak masalah telah dapat diatasi. Inilah antara kelebihan rakyat berbilang kaum di Malaysia, iaitu kesanggupan meletak kepentingan negara lebih tinggi daripada kepentingan-kepentingan lain.

4. Kita tahu bahawa dalam negara yang mempunyai penduduk daripada satu kaum pun terdapat banyak masalah kerana ideologi atau kefahaman tentang dasar dan cara mentadbir atau kerana kesetiaan kepada kelas atau pemimpin, apatah lagi negara yang penduduknya terdiri daripada berbagai-bagai kaum, agama, bahasa dan budaya. Dalam negara berbilang

kaum sudah tentulah kepentingan-kepentingan kaum yang ditokok dengan agama, bahasa dan budaya akan menggugat perpaduan dan kestabilan. Kita bersyukur bahawa di Malaysia ini tidak berlaku kerana semua kaum sedia mengeneppikan kepentingan kaum masing-masing demi mengutamakan kepentingan bangsa Malaysia dan negara Malaysia. Rakyat sedar bahawa dengan mengutamakan kepentingan negara, matlamat yang lebih besar, iaitu keharmonian kaum dan kestabilan negara boleh tercapai. Rakyat sedar bahawa hanya negara yang stabil di mana rakyat berbilang kaum hidup dalam harmoni sahaja yang dapat membangun, maju dan makmur. Adalah lebih baik mendapat sebahagian daripada nikmat negara yang makmur daripada mendapat 100 peratus daripada negara yang kucar-kacir, miskin dan merosot sepanjang masa.

5. Pada hari ini Malaysia bukan sahaja mengalami kestabilan politik, bahkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Pertumbuhan yang pesat ini membolehkan rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang tinggi kerana terdapat banyak peluang bekerja dan berniaga. Demikianlah jayanya ekonomi negara ini sehingga peluang kerja dan peluang berniaga lebih banyak daripada bilangan pekerja dan kemampuan peniaga kita. Tidak banyak negara membangun yang lain yang diserang dengan masalah kejayaan seperti Malaysia.

6. Dengan mengutamakan kepentingan negara tidaklah bermakna bahawa kepentingan kaum diketepikan begitu sahaja. Ahli-ahli parti komponen BN tetap mempunyai saluran untuk menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum mereka. Kita tidak menyekat mana-mana kaum yang hendak menyuarakan masalah-masalah atau rasa tidak puas hati mereka. Mereka tetap boleh menyuarakan rasa tidak puas hati mereka dan membangkitkan masalah kaum mereka di Parlimen, Dewan Undangan Negeri dan Persidangan Perwakilan parti masing-masing. Tetapi kita sentiasa mengambilkira sensitiviti kaum-kaum lain.

7. Pemimpin-pemimpin parti komponen BN seperti Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik dan Dato' Seri S. Samy Vellu juga turut menyuarakan masalah-masalah dan rasa tidak puas hati yang dikemukakan oleh ahli-ahli parti masing-masing dalam mesyuarat Kabinet dan Majlis Tertinggi Barisan Nasional. Kami pemimpin-pemimpin dalam Kerajaan dan Majlis Tertinggi BN sama-sama berbincang dan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh berbagai-bagai kaum di negara ini. Kami berterus-terang dalam menyuarakan pendapat kami. Mana-mana perkara yang difikirkan munasabah dan tidak sensitif kepada mana-mana kaum kita pertimbangkan dan bersetuju melaksanakannya. Tetapi akhirnya kepentingan negara mesti melebihi kepentingan-kepentingan lain.

8. Sebenarnya bukanlah mudah untuk memenuhi semua kehendak mana-mana kaum. Tetapi pemimpin-pemimpin Kerajaan dan BN terpaksa pragmatik dan rasional. Kami terpaksa melihat isu-isu perkauman daripada perspektif yang lebih luas. Jika kepentingan kaum itu tidak menjejaskan kepentingan negara isu-isu yang dibawa kepada pemimpin-pemimpin BN akan dipertimbangkan. Biasanya terdapat semangat tolak-ansur dan kompromi dalam mengatasi masalah-masalah kaum. Kita cuba mengelak daripada menimbulkan perkara-perkara yang sensitif 'in the open'. Bayangkan keadaan yang akan wujud jika tiap-tiap kaum membuat tuntutan yang bersifat perkauman tanpa mengambilkira sensitiviti kaum lain. Keadaan huru-hara mungkin tercetus. Namun kita tidak "sweep the problems under the carpet". Tetapi setelah kita memutuskan sesuatu semua pihak dalam BN perlu mematuhi. Begitu juga dengan dasar-dasar yang telah kita persetujui. Tidak harus ada pihak dalam BN yang patut tidak menyokongnya. Ini penting demi menentukan BN berkesan dan berwibawa sebagai sebuah parti politik.

9. Memanglah mudah bagi mana-mana pemimpin untuk menjadi popular dengan hanya membangkitkan perkara-perkara yang bersifat perkauman. Tetapi pemimpin-pemimpin seperti ini yang hanya mementingkan kepentingan peribadi tidak kekal lama. Mereka tidak memikirkan implikasi dan kesan yang lebih luas yang mereka timbulkan, seperti ancaman terhadap keharmonian kaum dan kestabilan negara. Jika huru-hara tercetus dalam negara kita kecekapan berniaga tidak akan mendatangkan apa-apa keuntungan.

10. Kita bernasib baik kerana mempunyai pemimpin-pemimpin dalam Kerajaan dan Barisan Nasional yang pragmatik, rasional, sederhana, tidak ekstrim, bertanggungjawab dan sentiasa mementingkan kepentingan negara. Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock, Tun Sambanthan, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Tan Siew Sin dan Tan Sri Manikavasagam adalah antara bekas pemimpin-pemimpin negara ini yang mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang senang diterima oleh rakyat berbilang kaum. Mereka adalah contoh yang baik untuk diikuti oleh rakyat Malaysia yang ingin menjadi pemimpin negara ini. Saya yakin jika rakyat terus memilih pemimpin-pemimpin yang pragmatik, rasional, 'moderate', bertanggungjawab dan meletak kepentingan negara di atas segala-galanya, negara kita akan terus stabil, maju dan makmur.

11. Semasa saya merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan tahun lalu kita baharu sahaja merayakan kemenangan cemerlang BN dalam pilihanraya umum 1995. Walaupun pilihanraya umum akan datang masih jauh lagi ini tidak bermakna parti-parti

komponen BN tidak berfungsi dan dengan itu boleh `relax' sahaja. Mungkin bagi sesetengah orang, parti ditubuhkan untuk bertanding dalam pilihanraya sahaja. Bagi BN parti tidak ditubuhkan untuk pilihanraya sahaja. Matlamat kita adalah lebih luas daripada itu, iaitu untuk membawa pembangunan, kemajuan, kemakmuran dan kestabilan kepada negara dan rakyat. BN adalah parti yang berkhidmat sepanjang masa.

12. Oleh itu, banyak yang boleh kita lakukan. Di samping mengukuhkan kedudukan parti, parti-parti komponen boleh membantu Kerajaan meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat, terutama anggota-anggota parti, tentang pentingnya projek-projek tertentu dan dasar-dasar Kerajaan seperti melawan inflasi dan sebagainya.

13. Seperti yang kita sedia maklum, hasrat kita untuk menjadi negara maju menjelang 2020 bukan lagi merupakan satu mimpi atau khayalan. Proses kearah itu sedang berjalan dengan baik dan kita yakin kita akan berjaya dengan cita-cita kita itu, Insya-Allah. Yang penting ialah rakyat hendaklah terus memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan di samping terus berusaha dengan gigih. Di sinilah parti-parti komponen BN boleh memainkan peranan mereka. Parti-parti komponen BN boleh menerangkan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dan peranan-peranan yang perlu dimainkan oleh rakyat seperti meningkatkan kecekapan, produktiviti dan kemahiran.

14. Negara juga sedang memberi perhatian berat kepada industri teknologi maklumat, termasuk multi-media. Dalam `information age' di mana `information is power' kita tidak boleh mengenenpikan perkembangan terbaru yang sedang berlaku di hadapan kita. Dalam zaman di mana siapa yang memiliki maklumat dan menganalisisnya dengan pantas akan memiliki kelebihan atau `advantage' dalam apa juga bidang, terutama pelaburan, kita tidak boleh menjadi pemerhati sahaja. Kita juga perlu sama melibatkan diri jika kita tidak mahu ditinggalkan zaman.

15. Itulah sebabnya kita telah menubuhkan Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC) untuk menarik syarikat-syarikat multi-media dan teknologi maklumat mendirikan industri mereka di situ.

16. Usaha kita untuk menjayakan MSC ini adalah satu usaha yang besar yang memerlukan sokongan semua golongan rakyat. Ianya adalah antara usaha-usaha kita untuk menentukan negara kita akan terus maju sehingga menjadi negara yang maju.

17. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kita dalam BN menentukan rakyat benar-benar faham akan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan. Dengan penerangan dan penjelasan yang betul daripada kita, rakyat akan lebih memahami usaha-usaha Kerajaan dan dengan itu akan memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya. Dengan cara ini kita juga akan mematah sebarang cubaan oleh pihak-pihak tertentu untuk mempengaruhi rakyat supaya menentang projek-projek dan dasar-dasar Kerajaan.

18. Sebagai sebuah parti komponen BN yang penting, Gerakan telah turut sama memainkan peranan utama dan menyumbang kepada kemajuan dan kestabilan negara. Barisan Nasional telah membuktikan bahawa ia bukan sahaja berupaya dan mampu memerintah negara dengan cekap dan berkesan tetapi juga dengan adil dan saksama. Bahawa Malaysia kini stabil, maju dan makmur adalah kerana konsep yang didokong oleh Barisan Nasional adalah sesuai dan menepati citarasa dan keperluan semua kaum.

19. Dengan harapan ahli-ahli Gerakan akan terus menyumbang ke arah mengukuhkan lagi Barisan Nasional demi perpaduan, kemajuan dan kestabilan negara, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Rakyat Malaysia yang ke-25.